

Sambung pengajian dalam pendidikan Islam kerana kehendak keluarga



# Tidak pernah lewat untuk jadi baik

Oleh Sarah Aina Shawal  
sarah.aina@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**"S**emua guru mencari kami kerana disyaki diculik sehingga mereka memutuskan untuk melaporkannya kepada pihak berkuasa. Sekembalinya ke sekolah apabila menyedari hari sudah tengah hari, kami dimarahi guru dan didenda," kata Encik Wan Taquiuddin.

Ketika itu, barulah beliau sedar bahawa perbuatan berkenaan tidak wajar dilakukan oleh seorang pelajar. Bagaimanapun, kejadian yang berlaku ketika dalam Darjah Tiga itu terjadi akibat fikiran yang belum matang dan tidak menyedari sudah melakukan satu kesalahan bagi seorang pelajar.

Encik Wan Taquiuddin mengakui memegang prinsip bahawa seseorang itu tidak pernah terlambat untuk memperbaiki diri untuk menjadi individu yang lebih baik.

Mengimbuai zaman persekolahannya, beliau hampir putus asa apabila tidak mendapat keputusan yang baik dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) kerana sering masuk hospital akibat mempunyai masalah kesihatan.

Katanya, kegagalan itu menyebabkan dirinya terpisah dengan rakan baik yang lebih cemerlang dan mengambil aliran Sains sehingga berasa tidak yakin boleh berjaya untuk mencapai cita-cita menjadi seorang pensyarah.

**Permintaan keluarga**

Bekas ahli kumpulan nasyid Nice itu berkata, dia memasang impian itu sejak kecil apabila melihat kejayaan seorang sepupunya yang menjadi pensyarah di universiti.

"Disebabkan kegagalan itu, saya berasa rendah diri dengan rakan-rakan yang lebih cemerlang dalam peperiksaan. Berkat nasihat guru, saya sedar perjalanan hidup ini masih panjang dan kejayaan boleh dicapai dengan berusaha memperoleh keputusan yang baik dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Anak kelahiran Kubang Kerian, Kelantan itu turut mempunyai kenangan menarik di bangku sekolah apabila aktif dalam pelbagai bidang sukan seperti bola sepak dan pingpong, selain menyertai kumpulan nasyid.

Beliau berkata, sewaktu berada di sekolah menengah, ramai pelajar memilih kerjaya profesional seperti jurutera dan doktor tetapi dia terpaksa akur akan permintaan keluarga yang ingin melihatnya menyambung pengajian dalam pendidikan Islam.

"Ketika itu, saya keliru sama ada ingin mengikut kehendak keluarga atau menyambung pengajian dalam bidang profesional kerana merasakan bidang berkenaan menjanjikan pilihan kerjaya yang luas," katanya.

**Rafal al Quran**

Anak keenam daripada lapan orang adik-beradik berkata, ada antara rakannya yang melemparkan sindiran dan berpendapat bahawa



Wan Mohd Taquiuddin Wan bergambar bersama-sama rakan sekelas ketika sekolah menengah.



Wan Mohd Taquiuddin bergambar bersama-sama adik-beradiknya.

pilihan yang dibuatnya kurang bijak tetapi diteruskan demi memenuhi impian keluarga di Darul Quran, Kuala Kubu Bharu.

Katanya, ketika dalam semester pertama, dia hampir mengambil keputusan untuk tidak meneruskan pengajian kerana sukar untuk menghafaz al-Quran dan terpaksa bersaing dengan pelajar lain tetapi membatalkan niat itu setelah dinasihati oleh pelajar senior.

"Berkat usaha dan bimbingan pelajar senior, saya berjaya menamatkan pengajian dalam masa

yang ditetapkan sebelum menyambung pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan memperoleh ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan kepujian.

"Walaupun mendapat tawaran menjadi pensyarah, saya meneruskan kerjaya sebagai seorang guru kerana menyukai tugas sebagai pendidik. Saya gembira ilmu yang dimiliki hari ini dapat digunakan untuk membantu generasi akan datang terutama merangsang mereka untuk terus berusaha ke arah kecemerlangan," katanya.



Penceramah bebas, Wan Mohd Taquiuddin Wan Hussin bersama isteri, Nik Roshaini Moh Zaudi dan anak Wan Aqief Rayyan, ketika sesi soal jawab untuk segmen JejakJaya di Selayang.

info.

**Encik Wan Taquiuddin Wan Hussin**

- **Umur:** 31 tahun
- **Tarikh Lahir:** 21 September 1985
- **Pendidikan:** Sekolah Rendah Islam Madinatul Ilimi, Kubang Kerian, Kota Bharu  
Sekolah Menengah Agama

Maahad Muhammadi, Kota Bharu  
**Darul Quran,** Kuala Kubu Bharu  
**Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**  
→ **Ayah:** Wan Hussin Wan Hassan

- **Ibu:** Nik Arnah Nik Lah
- **Kedudukan dalam keluarga:** keenam daripada lapan orang adik-beradik

**Trivia**

- **Minat** menghias rumah
- **Suka** bernasyid sejak di bangku sekolah
- **Aktif** berpersatuan di universiti untuk mengasah bakat dalam bidang

- pengucapan awam
- **Sering** dilantik mengimamkan solat Tarawih kecuali tahun ini
- **Menghasilkan** lima album nasyid secara berkumpulan dan solo